



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2005**

---

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI FARMASI**

**TUJUAN**

1. Surat pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan penetapan matagaji permulaan skim perkhidmatan Pegawai Farmasi Gred U41 daripada P1T1: RM1738.43 kepada P1T4: RM1978.01.

**LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini skim perkhidmatan Pegawai Farmasi Gred U41, U44, U48, U52, U54 menetapkan gaji permulaan pada Gred U41 : P1T1 RM1738.43. Walau bagaimanapun, perubahan sewajarnya dilaksanakan selaras dengan tempoh pengajian bagi graduan Farmasi iaitu selama empat (4) tahun dan penetapan perkhidmatan sebagai perkhidmatan wajib.

### **PERUBAHAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Penetapan gaji permulaan skim perkhidmatan Pegawai Farmasi di Gred U41: P1T1 RM1738.43 yang sedang berkuat kuasa diubah kepada **Gred U41 : P1T4 RM1978.01**. Tarikh kuat kuasa pelaksanaan gaji permulaan yang baru ini ialah mulai **1 Julai 2005**.

### **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

4. Penetapan gaji permulaan bagi semua pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Farmasi Gred U41 yang dilantik secara tetap adalah seperti berikut:

- (a) Pegawai Farmasi Gred U41 yang dilantik pada atau selepas 1 Julai 2005 akan ditetapkan di matagaji P1T4 : RM1978.01;
- (b) Pegawai Farmasi Gred U41 yang sedang berkhidmat pada 1 Julai 2005 dan berada di matagaji P1T3 dan ke bawah akan ditetapkan di matagaji P1T4 : RM1978.01; dan
- (c) Pegawai Farmasi Gred U41 yang sedang berkhidmat pada 1 Julai 2005 dan berada di matagaji P1T4 dan ke atas tidak terlibat dengan penetapan gaji permulaan yang baru ini.

### **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

5. Pergerakan Gaji Tahunan Pegawai Farmasi Gred U41 yang berkhidmat sebelum 1 Julai 2005 dan berada di matagaji P1T3 dan ke bawah adalah ditetapkan seperti berikut:

- (a) pegawai yang berada di matagaji P1T1 dan P1T2 yang mana Tarikh Pergerakan Gaji tahunannya pada 1 Julai atau 1 Oktober hendaklah diberi

pergerakan gaji terlebih dahulu pada 1 Julai 2005 sebelum ditetapkan ke matagaji P1T4; dan

- (b) pegawai yang berada di matagaji P1T3 yang mana Tarikh Pergerakan Gaji tahunannya pada 1 Julai atau 1 Oktober hendaklah diberi pergerakan gaji terlebih dahulu pada 1 Julai 2005 ke matagaji P1T4. Oleh yang demikian pegawai tidak terlibat dengan penetapan gaji permulaan yang baru.

### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

6. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang berkhidmat sebelum 1 Julai 2005 ditetapkan seperti berikut:

- (a) pegawai yang berada di matagaji P1T1 dan P1T2 pada 31 Disember 2004, TPG tahunannya diubah kepada 1 Julai 2006;
- (b) pegawai yang berada di matagaji P1T3 pada 31 Disember 2004 dan TPG tahunannya pada 1 Januari, 1 April dan 1 Julai adalah tidak berubah; dan
- (c) pegawai yang berada di matagaji P1T3 pada 31 Disember 2004 yang mana TPG tahunannya pada 1 Oktober akan diubah kepada 1 Julai 2006.

### **CONTOH PELAKSANAAN**

7. Contoh pelaksanaan penetapan gaji permulaan yang baru ini adalah seperti di **Lampiran A.**

## **PEMAKAIAN**

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan surat pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ismail Adam', with a long horizontal stroke extending to the right.

**( DATO' ISMAIL ADAM )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

27 September 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU SKIM PERKHIDMATAN

## PEGAWAI FARMASI GRED U41

## BERKUAT KUASA MULAI 1 JULAI 2005

## CONTOH 1

TPG asal : 1 April  
 TPG baru : 1 Julai mulai 2006

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.12.04	1898.15 (P1T3)	-	-
1.4.05	1978.01 (P1T4)	-	TPG asal.
1.7.05	1978.01 (P1T4)	-	Tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Tidak terlibat dengan pelarasan ke matagaji permulaan baru kerana pegawai telah berada di P1T4.
1.4.06	2057.87 (P1T5)	-	TPG kekal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji  
 PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI FARMASI GRED U41  
BERKUAT KUASA MULAI 1 JULAI 2005**

**CONTOH 2**

TPG asal : 1 Julai

**TPG baru : 1 Julai mulai 2006**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang (RM)</b>	<b>Gaji Baru (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.12.04	1818.29 (P1T2)	-	-
1.7.05	1898.15 (P1T3)	-	TPG asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.05	1898.15 (P1T3)	1978.01 (P1T4)	Tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Gaji diselaraskan ke- matagaji permulaan baru.
1.7.06	-	2057.87 (P1T5)	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji  
PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU SKIM PERKHIDMATAN**

**PEGAWAI FARMASI GRED U41**

**BERKUAT KUASA MULAI 1 JULAI 2005**

**CONTOH 3**

TPG asal : 1 Oktober

**TPG baru : 1 Julai mulai 2006**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang (RM)</b>	<b>Gaji Baru (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.12.04	1898.15 (P1T3)	-	-
1.7.05	1978.01 (P1T4)	-	TPG asal ialah pada 1 Oktober. Diberi pergerakan gaji pada 1 Julai. Pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.05	1978.01 (P1T4)	-	Tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Tidak terlibat dengan pelarasan gaji ke matagaji permulaan baru kerana pegawai telah berada di P1T4.
1.7.06	2057.87 (P1T5)	-	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji  
PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI FARMASI GRED U41  
BERKUAT KUASA MULAI 1 JULAI 2005**

**CONTOH 4**

TPG asal : 1 Oktober

**TPG baru : 1 Julai mulai 2006**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang (RM)</b>	<b>Gaji Baru (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.12.04	1818.29 (P1T2)	-	-
1.7.05	1898.15 (P1T3)	-	TPG asal ialah pada 1 Oktober. Diberi pergerakan gaji pada 1 Julai. Pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.05	1898.15 (P1T3)	1978.01 (P1T4)	Tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Gaji diselaraskan ke- matagaji permulaan baru.
1.7.06	-	2057.87 (P1T5)	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji  
PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI FARMASI GRED U41  
BERKUAT KUASA MULAI 1 JULAI 2005**

**CONTOH      5**

TPG asal           :       1 April

**TPG baru           :       1 Julai mulai 2006**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang (RM)</b>	<b>Gaji Baru (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.12.04	1818.29 (P1T2)	-	-
1.4.05	1898.15 (P1T3)	-	TPG asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.05	1898.15 (P1T3)	1978.01 (P1T4)	Tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Gaji diselaraskan ke-matagaji permulaan baru.
1.7.06	-	2057.87 (P1T5)	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG    -       Tarikh Pergerakan Gaji  
PPSM  -       Panel Pembangunan Sumber Manusia

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU SKIM PERKHIDMATAN**

**PEGAWAI FARMASI GRED U41**

**BERKUAT KUASA MULAI 1 JULAI 2005**

**CONTOH 6**

TPG asal : 1 Julai

**TPG baru : 1 Julai mulai 2006**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang (RM)</b>	<b>Gaji Baru (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.12.04	1898.15 (P1T3)	-	-
1.7.05	1978.01 (P1T4)	-	TPG asal. Pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.05	1978.01 (P1T4)	-	Tarikh kuat kuasa pindaan gaji permulaan. Tidak terlibat dengan pelarasan ke matagaji permulaan baru kerana pegawai telah berada di P1T4.
1.7.06	2057.87 (P1T5)	-	TPG kekal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji  
PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia